

Manifestasi Islam Dalam Filem “Gubra” Arahan Yasmin Ahmad: Satu Analisa Menurut Kerangka *Taklif*.

The Manifestations Of Islam In “Gubra” By Yasmin Ahmad: An Analysis Using The Framework of Taklif.

Nurul Atira Tonya¹, Zulkifli Mohammad², Mohd. Zariat Abdul Rani.³

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
29 NOVEMBER 2018	26 DISEMBER 2018	31 DISEMBER 2018

ABSTRAK

Artikel ini bertitik tolak daripada ulasan-ulasan yang pada asasnya cenderung mengaitkan filem “Gubra” (2006) arahan Yasmin Ahmad dengan agama Islam. Ulasan-ulasan ini seterusnya memperlihatkan dua pendirian yang berbeza. Pertama, pendirian yang mengakui mesej berkaitan agama Islam dalam “Gubra” ini sejajar dengan agama Islam. Kedua, pendirian yang beranggapan bahawa mesej berkaitan agama Islam dalam “Gubra” bertentangan dengan ajaran Islam. Berasaskan permasalahan ini, artikel ini bertujuan untuk menganalisis manifestasi-manifestasi berkaitan agama Islam dalam filem “Gubra” arahan Yasmin Ahmad, dan seterusnya menilai manifestasi-manifestasi itu berdasarkan kerangka *Taklif*. Bagi mencapai tujuan ini, artikel ini menerapkan konsep *Taklif* sebagai kerangka analisis. *Taklif* merujuk kepada hubungan kebertanggungjawaban manusia kepada Allah SWT. Dengan itu, kehidupan manusia di muka bumi sentiasa terikat kepada tanggungjawab untuk beribadah kepada Allah SWT. Penerapan kerangka *Taklif* sebagai kerangka analisis mendapati bahawa manifestasi-manifestasi berkaitan agama Islam dalam filem “Gubra” adalah tidak seiring dengan Islam.

Kata kunci: Filem, Gubra, Yasmin Ahmad, Islam, *Taklif*.

ABSTRACT

This article stems from the reviews that generally incline to associate “Gubra”; a film directed by Yasmin Ahmad with Islam. These reviews show two different stances. First, stand which agree the message of Islam in “Gubra” is inline with Islam. Second, stand which state the message of Islam in “Gubra” is opposing the teaching of Islam. Based on this contradiction, this article aims to analyse the manifestations related to religion of Islam in film of “Gubra” by Yasmin Ahmad, then to assess these manifestations according to the framework of *Taklif*. To achieve these, this article apply the concept of *Taklif* as analytical framework. *Taklif* refers

¹ Nurul Atira Tonya, Pelajar Siswazah, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. atiratonya@gmail.com.

² Zulkifli Mohammad, Profesor Madya, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. zulkiflimohamad@upm.edu.my
Profesor Madya, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. zulkiflimohamad@upm.edu.my.

³ Mohd. Zariat Abdul Rani, Profesor Madya, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. zariat@upm.edu.my.

to the relationship of human accountability to Allah SWT. Therefore, human life on earth are bound with accountability to worship Allah SWT. The application of Taklif as analytical framework show that the manifestations of Islam in "Gubra" are not side by side to the religion.

Keywords: *Film, Gubra, Yasmin Ahmad, Islam, Taklif.*

Pengenalan

Allahyarhamah Yasmin Ahmad (seterusnya Yasmin) merupakan pengarah filem Malaysia yang terkenal bukan sahaja di dalam tetapi juga luar negara. Bakat kreatif beliau mula dikenali melalui iklan TV Petronas, antaranya "One Little Indian" yang ditayangkan sempena hari kemerdekaan pada tahun 1996 (Amir Muhammad, 2009). Kerjaya Yasmin dalam bidang perfileman bermula pada tahun 2003 iaitu ketika beliau berusia 45 tahun (Amir Muhammad, 2009). Yasmin menghasilkan sebanyak enam buah filem iaitu filem "Rabun" (2003), "Sepet" (2004), "Gubra" (2006), "Mukhsin" (2006), "Muallaf" (2008) dan "Talentime" (2009) (Amir Muhammad, 2009). Filem-filem Yasmin rata-rata menyertai festival-festival filem antarabangsa (Amir Muhammad, 2009). Filem "Sepet" (2004), antaranya mendapat pengiktirafan sebagai pemenang Anugerah Filem Asia di Festival Filem Antarabangsa Tokyo ke-18 (2005) dan pemenang Hadiah Utama, Festival Filem Wanita Antarabangsa Créteil ke-27 di Perancis (2005) (IMDB). Sementara filem "Muallaf" (2008) pula memenangi Anugerah Khas Filem Asia dalam Festival Filem Antarabangsa Tokyo 2008 (IMDB).

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa rata-rata filem Yasmin mendapat tumpuan kerana latar masyarakat dan tema hubungan sesama manusia yang disampaikan. Antara kesemua filem yang dihasilkan oleh Yasmin, filem "Gubra" merupakan antara filem yang dapat dianggap penting dan wajar diberikan perhatian yang serius. Hal ini kerana filem ini memenangi empat anugerah dalam Festival Filem Malaysia pada tahun 2006 iaitu Filem Terbaik, Poster Terbaik, Lakon Layar Terbaik dan Pelakon Wanita Terbaik (Abd. Aziz Itar, 2006). Filem yang diterbitkan oleh Nusanbakti Corporation Sdn. Bhd. ini, diasaskan pada naskhah cerita asal yang ditulis sendiri oleh Yasmin, berdasarkan pengalamannya (Mohamad Shaifulbahri). Menurut Yasmin, penggambaran filem "Gubra" mengambil masa selama 12 hari (Mohamad Shaifulbahri). Pelakon utama filem ini, Sharifah Amani menyatakan bahawa latihan yang dijalankan untuk penggambaran filem "Gubra" mengambil masa selama dua bulan (Mohamad Shaifulbahri). Tempoh masa penggambaran dan latihan yang dijalankan ini dapat dianggap singkat dan merupakan sesuatu yang luar daripada kebiasaan dalam praktik penggambaran filem di Malaysia (Mohamad Shaifulbahri). "Gubra" ditayangkan buat pertama kalinya di Singapura, pada 2 Mac 2006 (IMDB). Setelah ditayangkan, "Gubra" mencetuskan kontroversi dalam kalangan pengkritik dan peminat filem tempatan. Lebih kurang dua bulan selepas penayangannya di Singapura, "Gubra" menjadi tajuk utama perdebatan dalam program bual bicara berkaitan seni di stesyen televisyen tempatan (Mohammad Arif Nizam, 2006).

Permasalahan Kajian

Pengamatan awal mendapati bahawa sejak mula ditayangkan, “Gubra” mendapat resepsi kritis daripada pelbagai pihak, antaranya Mohammad Arif Nizam (2006) (seterusnya Mohammad Arif), Faisal Tehrani (2006) (seterusnya Faisal), Mesut Idriz (2006) dan Hafizan Mohd. (2016) (seterusnya Hafizan). Pengamatan awal ini mendapati bahawa rata-rata ulasan cenderung mengaitkan “Gubra” dengan agama Islam. Tulisan Mohammad Arif (2006) bertajuk “Fenomena Seni Belasah Yasmin Ahmad” (2006) antaranya membangkitkan tentang budaya Melayu dan agama Islam. Menurut Mohd Arif, pemaparan gadis Melayu yang beragama Islam dalam filem “Gubra” ini bertentangan dengan ajaran Islam sebagaimana yang dinyatakan dalam ungkapan yang berbunyi, “Dalam program itu, Yasmin yang diberi gelaran pengarah generasi baru didakwa mencemarkan imej gadis Melayu dan pada masa sama tidak menghormati isu agama menerusi watak Orked lakonan Sharifah Amani dalam kedua-dua filem itu” (Mohammad Arif, 2006). Begitu juga artikel Faisal bertajuk “Gubra Yang Sesat Lagi Menyesatkan” (2006) yang menghujahkan tentang ajaran Islam, iaitu “*amar makruf nahi mungkar*” yang dikelirukan di dalam filem “Gubra” ini. Hal ini dikatakan jelas pada babak watak Bilal Li dan watak isterinya, Mas yang diperlihatkan tidak menghalang atau cuba menasihati jiran mereka, iaitu watak Temah dan watak Kiah yang bekerja sebagai pelacur. Selain itu, artikel Faisal ini turut menyentuh tentang tepekkan kata-kata Rumi yang diterjemahkannya sebagai “lampu ada pelbagai tetapi cahayanya sama”. Ungkapan ini dianggap membawa maksud bahawa jalan yang berbeza menuju Tuhan (kepelbagaian agama) adalah kerja Tuhan. Dengan itu, semua agama yang berbeza-beza ini tetap membawa kepada Tuhan yang sama. Menurut Faisal, tepekkan kata-kata Rumi dalam filem ini cenderung untuk membenarkan mesej penyamarataan agama atau pluralisme agama yang dianggap bertentangan dengan ajaran Islam. Selain itu, artikel Faisal turut menyentuh mengenai pemaparan aksi dan babak yang tidak menjaga batas pergaulan dalam “Gubra”. Babak ini seolah-olah menyatakan bahawa apa yang dimaksudkan sebagai kasih sayang adalah seperti sentuhan-sentuhan tersebut, sebagaimana yang dinyatakannya, “Peluk sana cium sini seolah-olah tema kasih sayang ialah peluk cium sesuka hati tanpa batas dan garis panduan” (Faisal, 2006).

Nada yang hampir sama turut kedengaran dalam tulisan Mesut Idriz (2006), yang beranggapan bahawa mesej agama yang disampaikan dalam filem “Gubra” memberikan nilai positif terhadap agama secara umum. Artikel yang bertajuk “Gubra on Role Religion Can Play” (2006) dalam ruangan pendapat (*opinion*), *The Star Online* ini menyentuh mengenai kejayaan mesej berkaitan agama dan masyarakat dalam filem “Gubra”, yang tidak dicapai oleh filem-filem lain. Demikian juga dalam tulisan Hafizan (2016) yang membangkitkan soal humanisme dalam “Gubra” melalui pengabaian terhadap setiap perbezaan antara manusia. Dalam ulasan bertajuk “10 Tahun Gubra: Humanisme Yasmin Ahmad & Kejahilan Pengkritik Filem Lokal” (2016) yang dimuat naik ke dalam blog ini, Hafizan menjelaskan bahawa “Gubra” menggunakan elemen kemanusiaan dan kasih sayang untuk menyampaikan mesej bahawa setiap manusia adalah sama. Dalam hal ini, Hafizan berpendapat bahawa penyampaian mesej kemanusiaan ini dikukuhkan lagi melalui kata-kata Rumi, “*The lamps are different, but the Light is the same*”. Jelas di sini bahawa Hafizan tidak melihat kata-kata Rumi dalam filem “Gubra” ini

dalam konteks agama tetapi melihatnya dari sudut yang lebih umum, yaitu menyamaratakan setiap masyarakat. Menarik untuk diperhatikan bahawa ulasan Hafizan yang cuba menilai “Gubra” tanpa melibatkan agama secara tidak langsung mengaitkan agama Islam dengan filem ini.

Dengan itu, adalah jelas bahawa kesemua tulisan yang memperkatakan tentang “Gubra” rata-rata mengaitkan filem Yasmin itu dengan agama. Lebih penting lagi ialah pendirian yang diketengahkan dalam keempat-empat tulisan di atas yang rata-rata dapat dibahagikan kepada dua. Di satu pihak, beberapa tulisan dilihat cenderung menganggap filem “Gubra” memberikan gambaran yang tepat mengenai agama khususnya Islam, sebagaimana yang diperlihatkan dalam tulisan Mesut Idriz (2006) dan tulisan Hafizan (2016). Di pihak yang lain pula, filem “Gubra” dianggap memberikan gambaran yang tidak tepat serta bertentangan dengan ajaran agama Islam, sebagaimana yang cenderung diujahkan dalam tulisan Mohamad Arif (2006) dan tulisan Faisal (2006). Perbezaan pendirian ini mengundang kajian ini untuk meneliti tentang manifestasi Islam dalam filem “Gubra”. Satu perkara penting yang tidak wajar dikesampingkan ialah kedudukan tulisan-tulisan di atas yang lebih bersifat ulasan atau pandangan yang sesuai untuk tatapan pembaca awam, dan bukannya tulisan ilmiah yang disokong dengan analisis yang sistematik termasuk dengan menerapkan kerangka analisis tertentu. Dalam konteks ini, pengamatan awal mendapati bahawa kehadiran tulisan-tulisan di atas menyediakan satu ruang akademik (*academic gaps*) yang dapat diisi oleh sebuah kajian ilmiah yang sistematik. Hal ini merujuk kepada perlunya filem “Gubra” dianalisis berdasarkan satu kerangka analisis yang sistematik.

Berasaskan permasalahan serta pertimbangan di atas, kajian ini memilih untuk menerapkan kerangka *Taklif* bagi menganalisis filem “Gubra”. *Taklif* merupakan satu konsep penting yang mendasari pandangan hidup Islam sebagaimana yang akan diperjelaskan pada bahagian yang selanjutnya nanti. Pada tahap ini, memadai untuk dijelaskan bahawa pemilihan konsep *Taklif* sebagai kerangka analisis diasaskan pada pertimbangan bahawa filem “Gubra” dikatakan memmanifestasikan tentang Islam sebagaimana yang dibangkitkan dalam tulisan-tulisan yang diamati di atas.

Objektif Kajian

Sehubungan itu, kajian ini distrukturkan bagi merealisasikan dua objektif, iaitu menganalisis manifestasi-manifestasi berkaitan agama Islam dalam filem “Gubra” arahan Yasmin Ahmad, dan seterusnya menilai manifestasi-manifestasi agama Islam itu berdasarkan kerangka *Taklif*.

***Taklif*: Satu Kerangka Analisis Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas.**

Dalam tradisi keilmuan Islam, *Taklif* merujuk kepada hubungan kebertanggungjawaban manusia kepada Allah SWT (Elizatul & Mohd. Zariat, 2017). Dalam kitab karangannya bertajuk *Hujjat Allah al-Balighah* (terjemahan oleh Zainuddin & Nik Hassan, 2015), Shah Waliyullah Al-Dihlawi (seterusnya Shah Waliyullah) iaitu seorang ulama Islam yang hidup pada tahun 1703 hingga

tahun 1762, menghuraikan *Taklif* sebagai “pembebanan ke atas diri manusia dengan tanggungjawab untuk beribadah kepada Allah SWT”. Dalam kitab ini, Shah Waliyullah menjelaskan mengenai *Taklif* atau penerimaan amanah (tanggungjawab) oleh manusia melalui ayat 72-73 Surah Al-Ahzab, dengan menyatakan bahawa “Imam Ghazali, Baidhawi [*Baidhawi menyebut di dalam tafsirnya di bawah ayat ini dalam surah Al-Ahzab ayat 72-73*] dan selain daripada kedua-duanya telah mengingatkan bahawa maksud ‘amanah’ itu ialah menggantungkan kesanggupan tanggungjawab dengan dibentangkan kebimbangan pahala dan seksa kerana taat dan maksiat. Dan pembentangan tanggungjawab kepada semua kejadian itu dikira amanah berbanding dengan kelayakan kejadian-kejadian itu; dan keengganan kejadian-kejadian itu ialah keengganan tabii yang mana kejadian-kejadian itu tidak mempunyai persesuaian dan persediaan menerima dan manusia memikulnya, iaitu penerimaannya dan persediaan menerima dan kelayakannya” (Zainuddin & Nik Hassan, 2015). Dengan itu, Shah Waliyullah turut menyatakan bahawa rahsia *Taklif* kepada manusia adalah kerana fitrah manusia sendiri yang diciptakan untuk beribadah kepada Allah (Zainuddin & Nik Hassan, 2015). Dengan itu, bagi memenuhi fitrah kejadiannya untuk beribadah kepada Allah SWT, dan dengan fitrah kejadiannya yang diciptakan dengan sifat malaikat (sifat yang memuliakan manusia) dan sifat haiwan (sifat yang membawa manusia ke kedudukan yang hina), manusia meminta untuk ditaklif (Zainuddin & Nik Hassan, 2015). Berdasarkan kitab karangan Shah Waliyullah itu, Marcia K. Hermansen (1996) menterjemahkan istilah *Taklif* sebagai “*divine accountability and responsibility*”. Seterusnya dengan pembebanan (*Taklif*) ini, kehidupan manusia di muka bumi sentiasa terikat kepada tanggungjawab untuk beribadah kepada Allah SWT. Penting untuk dijelaskan bahawa pengertian *Taklif* yang sedemikian adalah sejajar dengan akidah Tauhid yang merujuk kepada keyakinan bahawa hanya Allah SWT sebagai satu-satunya Pencipta dan Tuhan yang menciptakan seluruh alam. Seterusnya, Shah Waliyullah turut menjelaskan bahawa penerimaan *Taklif* ini menyebabkan setiap perbuatan manusia di dunia mendapat pembalasan. Ketaatan terhadap amanah ini kemudiannya bakal mendapat balasan syurga sementara keingkaran terhadapnya mendapat balasan neraka (Zainuddin & Nik Hassan, 2015).

Bertitik tolak daripada konsep *Taklif* yang dihuraikan oleh Shah Waliyullah ini, Syed Muhammad Naquib Al-Attas (seterusnya Al-Attas) kemudian menjelaskan mengenai hakikat-hakikat penting dalam pandangan hidup Islam. Sebagaimana yang difahami mengenai konsep *Taklif*, kehidupan manusia di dunia terikat dengan tanggungjawab untuk beribadah kepada Allah SWT. Dalam konteks tanggungjawab manusia untuk beribadah kepada Allah SWT ini, Al-Attas antara lain menjelaskan bahawa perhubungan manusia dengan Allah SWT terbina di atas hakikat keberhutangan (*indebtedness*) (Al-Attas, 1976). Dalam hal ini, penciptaan manusia oleh Allah SWT menjadi satu hutang (*debt of creation*) yang mengiringi kehadiran manusia di muka bumi. Dalam keadaan dirinya yang berhutang ini, manusia menurut Al-Attas tiada mempunyai pilihan melainkan mengaku serta menjadi saksi terhadap keesaan Penciptanya itu dan berjanji untuk mengabdikan diri atau beribadah kepada-Nya (Al-Attas, 1976). Al-Attas menyandarkan pemahaman ini pada dalil al-Quran, Surah Al-A’raaf, Ayat 172 (Al-Attas, 1976), yang antara lain bermaksud, “Dan ingatlah ketika Tuhanmu mengeluarkan dari *sulbi* (tulang belakang) anak cucu Adam keturunan mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap roh mereka (seraya berfirman), “Bukankah Aku ini Tuhanmu?”

Mereka menjawab, “betul (Engkau Tuhan kami), kami bersaksi” (Al-Qur’an Darul Iman). Isi kandungan dalil Al-Quran ini diungkapkan oleh Al-Attas sebagai Perjanjian Asali (*Primordial Covenant*) yang menjadi titik mula terhadap penciptaan dan kejadian manusia (Al-Attas, 1976). Perjanjian ini merujuk kepada janji manusia untuk beribadah kepada Penciptanya sepanjang kehidupan mereka di muka bumi (Al-Attas, 1976).

Hakikat bahawa penciptaan manusia bermula dengan janji untuk menyembah Penciptanya, maka ini bererti manusia secara semulajadinya diciptakan untuk beribadah Allah SWT. Sesungguhnya, beribadah kepada Allah SWT ini juga yang merupakan fitrah diri manusia. Al-Attas menjelaskan bahawa perbuatan memperhambakan diri kepada Allah SWT inilah yang merujuk kepada ibadah, iaitu tujuan pengzahiran manusia ke dunia (Al-Attas, 1976). Al-Attas menjelaskan ibadah sebagai “... segala perbuatan, amalan, atau perkhidmatan yang disedari dan dilakukan dengan sukarela dan yang ditujukan kepada Allah, *Subhanahu wa Ta’ala*, dan tiada kerana dan kepada yang lain dan yang diperkenan olehNya, termasuk segala amalan seperti salat yang difardhukan dan yang lain pula” (Al-Attas, 1976). Berdasarkan pernyataan Al-Attas ini, jelas bahawa sesuatu perbuatan menjadi ibadah jika dilakukan semata-mata kerana Allah SWT, dengan kesedaran dan secara sukarela. Al-Attas turut menjelaskan bahawa ibadah merujuk kepada pelaksanaan PerintahNya; dengan melakukan SuruhanNya dan meninggalkan LaranganNya (*amar makruf nahi mungkar*) (Al-Attas, 1976). Selain itu, Al-Attas turut menjelaskan bahawa sesuatu perbuatan menjadi ibadah sekiranya dilakukan mengikut Ketetapan dan Hukum Allah SWT (Al-Attas, 1976). Dengan ini, jelas bahawa setiap perbuatan yang bukan melaksanakan Perintah Allah SWT (*amar makruf nahi mungkar*), tidak dilaksanakan semata-mata kerana Allah SWT, dilakukan bukan dengan kesedaran dan suka rela serta tidak menepati ketetapan dan Hukum Allah SWT, tidak dianggap sebagai ibadah dalam Islam. Hal ini sekali gus menjelaskan bahawa perbuatan ini tidak menepati *Taklif* yang dipersetujui oleh manusia dalam Perjanjian Asali.

Seterusnya, Al-Attas menjelaskan bahawa tujuan pengzahiran manusia ke dunia untuk beribadah kepada Allah SWT menempatkan manusia kepada dua tugas utama, iaitu sebagai hamba Allah SWT dan sebagai Khalifah Allah SWT di muka bumi (Al-Attas, 1976). Secara ringkasnya, tugas sebagai hamba Allah SWT dapat difahami sebagai tugas individu. Sementara tugas sebagai Khalifah Allah SWT di muka bumi merujuk kepada tugas manusia dalam pentadbiran dunia. Menurut Al-Attas, tugas sebagai hamba Allah SWT merujuk kepada tugas individu yang berkait dengan hakikat insan sebagai pihak yang sentiasa berhutang kepada Allah SWT (Al-Attas, 1976). Dalam hal ini, tujuan ibadah sebagai hamba Allah SWT ini adalah untuk mengembalikannya kepada Allah SWT sebagaimana awal kejadiannya. Dengan itu, sebagai hamba Allah SWT, manusia ditugaskan untuk melaksanakan Perintah-Nya, meninggalkan Larangan-Nya, mematuhi Undang-Undang dan Hukum Allah SWT serta menuruti cara-Nya (Al-Attas, 1976).

Sementara sebagai Khalifah Allah SWT di muka bumi pula, manusia merupakan pemegang amanah dan wakil Allah SWT dalam pentadbiran dunia (Al-Attas, 1976). Al-Attas menjelaskan bahawa manusia ditugaskan untuk memerintah dan mentadbir dunia dengan keadilan serta menurut Kehendak dan Keredhaan

Allah SWT (Al-Attas, 1976). Dalam hal ini, penting dijelaskan bahawa “keadilan” dalam Islam merujuk kepada kedudukan yang tepat, benar dan betul bagi tiap sesuatu (Al-Attas, 1976). Dan apa yang dimaksudkan dengan tepat, benar dan betul ini merujuk kepada apa yang telah ditetapkan oleh Allah SWT sebagai Pencipta. Sehubungan itu, Al-Attas menjelaskan bahawa pentadbiran dunia bukan hanya merujuk kepada alam sekitar manusia. Sebaliknya bermula dengan pemerintahan dalam diri manusia (Al-Attas, 1976). Penting untuk dijelaskan bahawa meskipun dijelaskan secara terpisah, namun kedua-dua tugas manusia ini merupakan satu kesatuan yang membentuk tujuan pengzahiran manusia ke dunia. Dikotomi antara kedua-dua tugas ini akan menyebabkan manusia gagal memenuhi tujuan kelahirannya ke dunia, iaitu untuk beribadah kepada Allah SWT.

Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas bahawa *Taklif* merujuk kepada “pembebanan ke atas diri manusia dengan tanggungjawab untuk beribadah kepada Allah SWT”. Pembebanan ini sejajar dengan akidah Tauhid yang memperakukan kewujudan hanya Allah SWT sebagai satu-satunya Pencipta dan Tuhan yang menciptakan seluruh alam. Mengiringi perakuan ini ialah perakuan terhadap Agama Islam sebagai satu-satunya Agama yang Benar. Merujuk kepada perakuan ini, Al-Attas menegaskan bahawa Islam merupakan satu-satunya Agama Wahyu. Sebagai satu-satunya Agama Wahyu, Islam turut menjadi satu-satunya Agama yang Benar kerana dalam kehidupan Muslim, hanya Wahyu yang diyakini sebagai sumber kebenaran. Apa yang dimaksudkan sebagai Wahyu menurut Al-Attas adalah kenyataan Tuhan (Tanzil Allah SWT) mengenai Diri-Nya yang diturunkan kepada Rasul dan Nabi pilihanNya (Al-Attas, 2015). Justeru sebagai satu-satunya Agama Wahyu, Al-Attas menegaskan bahawa Islam merupakan satu-satunya Agama yang telah lengkap sempurna penurunannya. Dengan itu, akidah dan syariat Islam juga sempurna untuk kehidupan manusia. Agama Islam tidak memerlukan perubahan atau kemajuan, sebagaimana agama-agama lain (Al-Attas, 2015). Jelas berdasarkan sifat-sifat Agama Islam yang dinyatakan ini, Agama Islam mampu memenuhi tujuan penurunannya, iaitu sebagai Petunjuk ke Jalan yang Lurus bagi semua umat manusia. Hakikat bahawa Islam diperakukan sebagai satu-satunya Agama yang benar terkandung dalam Al-Quran, Surah Al-Ma’idah, Ayat 3 yang antara lain bermaksud, “Pada hari ini, Aku sempurnakan agamamu untukmu, dan telah Aku cukupkan nikmat-Ku bagimu, dan Aku redha Islam sebagai agamamu” (Al-Qur’an Darul Iman). Ayat Al-Quran ini dengan jelas menegaskan bahawa Islam merupakan Agama yang sempurna, Agama yang diperkenan dan diredhai oleh Allah SWT. Sebagai satu-satunya Agama yang Benar, kebenaran agama-agama selain Islam dengan sendirinya tertolak.

Perbincangan pada tahap ini berusaha untuk melakarkan beberapa prinsip dan konsep penting yang terangkum dalam kerangka *Taklif*, antaranya kedudukan Agama Islam sebagai satu-satunya Agama yang Benar, prinsip *amar makruf nahi mungkar* dalam perbuatan baik (ibadah) dan tugas manusia sebagai hamba Allah SWT dan sebagai Khalifah Allah SWT di muka bumi. Prinsip dan konsep ini mengandungi pengertiannya tertentu seiring dengan kerangka *Taklif*, sebagaimana yang telah dijelaskan. Kerangka *Taklif* ini akan diguna pakai dalam menganalisis filem “Gubra” arahan Yasmin.

Analisis Manifestasi Agama Dalam Filem “Gubra” Berdasarkan Kerangka Taklif

Cerita yang disajikan dalam filem “Gubra” merupakan kesinambungan dari filem “Sepet”. Filem “Gubra” membawa dua kisah yang berlainan dalam sebuah filem. Sebuah kisah menyajikan cerita tentang Orked dan keluarganya. Keluarga Orked terdiri daripada Arif, iaitu suami Orked, Pak Atan dan Mak Inom, iaitu ibu bapa Orked, Kak Yam dan Anuar. Kak Yam, iaitu orang gaji keluarga Orked telah dianggap seperti keluarga sendiri. Manakala Anuar pula ialah anak kepada tukang kebun jiran keluarga Orked. Anuar dibesarkan oleh keluarga Orked sejak kematian bapanya. Arif yang merupakan suami pilihan Pak Atan untuk anaknya, jauh lebih berusia daripada Orked. Sementara Orked pula ialah seorang wanita moden yang sering keluar bertugas. Pak Atan yang mempunyai penyakit diabetes, hampir pengsan akibat penyakit yang dihidapinya itu. Hal ini menyebabkan Mak Inom menjadi panik lalu menghubungi Orked untuk menyampaikan berita ini. Orked yang digambarkan sedang bergurau-senda bersama suaminya ketika azan subuh sedang berkumandang, turut menjadi panik dan bergegas ke rumah ibu bapanya. Pak Atan kemudian dihantar ke hospital untuk menerima rawatan. Ketika berada di hospital, Orked terserempak dengan Alan, iaitu abang kepada Jason (watak dalam “Sepet”). Pertemuan yang tidak dirancang antara Orked dan Alan ini berlanjutan hingga ke kedai makan di luar hospital. Sementara itu, Arif pula memberitahu Orked mengenai salah seorang pelanggannya yang menghadapi masalah dengan barang jualannya. Hal ini memaksa Arif untuk keluar menemui pelanggan tersebut. Ketika keluar untuk makan bersama Alan, Orked terserempak dengan Arif yang sedang bersama dengan seorang perempuan bernama Latifah. Orked kemudiannya tahu bahawa Arif berlaku curang kepadanya. Hal ini mengundang kemarahan Orked dan seterusnya membawa kepada perceraian antara Orked dan Arif. Sementara itu, hubungan Alan dan Orked yang berlanjutan setelah perceraian Orked pula membawa kepada kenangan Orked dan Jason, sebelum Jason mati dalam kemalangan (penamat kepada filem “Sepet”).

Manakala, sebuah kisah lagi berlegar tentang kehidupan Bilal Li dan isterinya yang hidup berjiran dengan pelacur. Bilal Li dan isterinya mempunyai seorang anak lelaki bernama Adam. Adam baru memulakan sekolah rendah. Selain bertugas untuk melaungkan azan, Bilal Li turut mengajar mengaji bersama isterinya, Mas. Mas mengajar pelajar perempuan sementara Bilal Li pula mengajar pelajar lelaki. Bilal Li dan keluarganya hidup berjiran dengan Temah dan Kiah yang bekerja sebagai pelacur. Walaupun mengetahui mereka bekerja sebagai pelacur, Bilal Li dan Mas tidak memandang serong kepada Temah dan Kiah. Sebaliknya, Bilal Li dan Mas tetap melayan Temah dan Kiah dengan baik. Seperti Bilal Li dan Mas, Temah juga mempunyai seorang anak lelaki, Shahrin yang juga baru memulakan sekolah rendah. Walaupun bekerja sebagai pelacur, Temah tetap menghantar Shahrin untuk belajar mengaji di rumah Bilal Li. Pekerjaan Temah sebagai pelacur menyebabkan dia dijangkiti HIV. Hal ini kemudian menginsafkan bukan sahaja Temah tetapi juga Kiah. Temah berhasrat untuk berhenti melakukan pekerjaan maksiat tersebut. Temah mula belajar mengaji dengan Mas. Dalam masa yang sama, Ki iaitu seorang lelaki yang pernah mempunyai hubungan dengan Temah (Ki merupakan ayah Shahrin, tetapi tidak diceritakan sama ada pernah berkahwin dengan Temah atau tidak) cuba mencuri duit Temah. Pertengkaran besar

berlaku antara Temah dengan Ki. Bilal Li yang mendengar pertengkaran ini tidak cuba meleraikan pertengkaran tersebut. Namun, Bilal Li mengikut Ki dan meminta dompet Temah yang dilarikan oleh Ki dengan cara baik. Temah yang membuat keputusan untuk berhenti bekerja sebagai pelacur, membawa Shahrin berpindah dari rumah yang didudukinya (destinasi yang dituju oleh Temah dan Shahrin tidak ditunjukkan). Pemergian Temah dan Shahrin menyebabkan Kiah turut membuat keputusan untuk berhenti menjadi pelacur. Kiah menemui Mas untuk menyatakan bahawa duit simpanannya sudah cukup untuk membolehkan dia pulang ke kampung. Namun ketika Kiah pulang ke rumah, Ki datang semula ke rumah tersebut untuk mencuri duit simpanannya. Kisah Bilal Li, Mas, Temah dan Kiah ini diakhiri dengan kematian Kiah dalam pertengkarnya dengan Ki. Sementara Temah ditunjukkan mula bersolat bersama Mas.

Analisis mendapati filem “Gubra” antaranya memaparkan babak yang menceritakan tentang watak Mas, Temah, Mah, Pah, Alan dan anak perempuannya yang berbeza agama berdoa memohon keampunan dengan cara agama masing-masing. Dalam babak ini, Mah dan Pah dilihat berdoa di altar Buddha ketika azan Subuh berkumandang (babak sebelumnya memaparkan Bilal Li melaungkan azan Subuh). Sementara Mas dan Temah yang sedang bertelekung, berdoa dengan menadah tangan di surau. Alan dan anak perempuannya pula sedang berdoa dengan menggenggam tangan di gereja. Keempat-empat watak ini diceritakan sedang memohon keampunan Tuhan. Babak ini turut menceritakan bacaan doa memohon keampunan Tuhan ini dimulakan oleh Alan dan penutup doa ini dibaca oleh Mas. Babak bacaan doa antara Alan dan anak perempuannya dengan Mas dan Temah dimainkan secara berselang-seli. Dalam babak ini, doa yang dibaca oleh Alan dan Mas dilihat seolah-olah saling melengkapi, membentuk satu doa yang panjang. Babak ini seterusnya diikuti dengan babak penutup filem yang memaparkan pernyataan yang dipetik daripada Jalaluddin Rumi, iaitu “*The lamps are different but the light is the same*” (“Gubra”, 2006).

Dengan menerapkan kerangka *Taklif*, analisis ini mendapati bahawa pemaparan babak yang menceritakan mengenai watak yang berbeza agama itu berdoa memohon keampunan Tuhan dengan cara agama masing-masing, mencetuskan persoalan mengenai kedudukan Agama Islam sebagai satu-satunya Agama yang Benar, sekali gus menolak kebenaran agama lain. Merujuk kepada persoalan mengenai kedudukan Agama Islam sebagai satu-satunya Agama yang Benar, hal ini sekali gus menafikan kemungkinan terdapatnya Jalan Kebenaran dan Jalan Keselamatan dalam agama selain Islam. Dengan pemahaman ini, babak yang diceritakan di atas mengundang perbahasan lanjut. Hal ini kerana babak ini menceritakan mengenai watak-watak yang berbeza agama dalam “Gubra”, berdoa memohon keampunan Tuhan masing-masing (Mah dan Pah beragama Buddha, Mas dan Temah beragama Islam dan Alan dan anak perempuannya beragama Kristian). Dalam babak ini, Mas dan Temah yang beragama Islam dan sedang membaca doa sambil memakai telekung dan menadah tangan, dipaparkan secara bersilih ganti dengan Alan dan anak perempuannya yang beragama Kristian dan sedang berdoa dengan menggenggam tangan di gereja. Hal ini menyebabkan doa memohon keampunan Tuhan yang dibaca oleh Temah dan Mas (doa bagi penganut Agama Islam) dengan doa memohon keampunan Tuhan yang dibaca oleh Alan dan anak perempuannya (doa bagi penganut Agama Kristian), dimanifestasikan seperti satu

doa memohon keampunan yang bersambung dan saling melengkapi. Dengan pemaparan dengan cara yang sedemikian, dapat difahami bahawa babak ini menyampaikan makna bahawa setiap manusia memohon keampunan dengan cara yang berbeza, iaitu agama yang berbeza. Dengan itu, Agama Kristian juga mampu menyediakan Jalan Kebenaran dan Jalan Keselamatan kepada penganutnya, sebagaimana yang dijanjikan oleh Agama Islam. Dengan kata lain, dalam babak ini, Agama Islam dan Agama Kristian kedua-duanya dimanifestasikan mampu menyediakan jalan untuk memperoleh keampunan Tuhan. Pemahaman terhadap makna sedemikian dikukuhkan lagi melalui pemaparan babak penutup filem “Gubra” ini yang mempamerkan petikan kata-kata Jalaluddin Rumi, iaitu “*The lamps are different but the light is the same*” (“Gubra”, 2006). Dalam konteks inilah babak yang diceritakan di atas dianggap bertentangan dengan kerangka *Taklif*. Justeru, dengan pemaparan babak yang menceritakan mengenai watak beragama Buddha (Mah dan Pah), Islam (Mas dan Temah), dan Kristian (Alan dan anak perempuannya) berdoa memohon keampunan Tuhan dengan cara (agama) masing-masing, dan pemaparan bacaan doa memohon keampunan antara watak beragama Islam dengan watak beragama Kristian yang dipaparkan secara berselang-seli (menjadikan doa daripada dua agama yang berbeza ini kelihatan seperti satu doa yang sama) ini, filem “Gubra” dianggap cenderung untuk memanifestasikan bahawa semua agama adalah sama dan benar dalam menawarkan Jalan Kebenaran dan Jalan Keselamatan kepada penganutnya.

Seterusnya, analisis ini beralih kepada babak yang menggambarkan Bilal Li menyentuh seekor anjing ketika dalam perjalanan ke surau untuk melaungkan azan Subuh. Dalam babak ini, Bilal Li diceritakan berhenti dalam perjalanannya ke surau untuk mengusap anjing yang sedang berehat di tengah jalan yang dilaluinya. Perbuatan Bilal Li mengusap anjing ini diceritakan bertujuan supaya anjing tersebut beralih ke tepi jalan. Tujuan Bilal Li ini dilihat melalui dialognya yang berbunyi, “Kau baring dekat tengah jalan ni apahal? Nanti kalau kena langgar dengan lori lagi sekali, siapa yang susah? Pergi main kat tempat lain” (“Gubra”, 2006). Setelah mengucapkan dialog ini, Bilal Li meneruskan perjalanannya ke surau tanpa menunggu anjing tersebut beralih terlebih dahulu.

Dengan menerapkan kerangka *Taklif*, analisis ini mendapati bahawa babak di atas menarik perhatian terhadap prinsip perbuatan baik (ibadah). Perbuatan baik (ibadah) dalam Islam merujuk kepada pelaksanaan suruhan Allah SWT, dengan niat semata-mata kerana-Nya dan dengan cara yang telah ditetapkan-Nya, iaitu “*amar makruf nahi mungkar*.” Prinsip “*amar makruf nahi mungkar*” menampung maksud melakukan Perintah Allah SWT dan meninggalkan Larangan-Nya dalam masa yang sama. Kedua-dua bahagian (melakukan Perintah Allah SWT, meninggalkan Larangan-Nya) ini tidak boleh dilakukan secara terpisah sebaliknya perlu saling melengkapi, membentuk prinsip “*amar makruf nahi mungkar*”. Dengan itu, setiap perbuatan hanya dianggap baik sekiranya menepati kedua-dua bahagian prinsip “*amar makruf nahi mungkar*” ini. Dengan pemahaman ini, babak yang menceritakan mengenai watak Bilal Li mengusap anjing ketika dalam perjalanan untuk melaungkan azan Subuh di surau, mengundang persoalan. Menurut hukum syarak Islam, anjing merupakan binatang yang dikategorikan sebagai haiwan yang membawa najis *mughallazah* atau najis berat, dan justeru menyentuhnya dianggap mengotorkan dan perlu disucikan dengan cara bersertu (Othman Bin Mustafa,

2017). Merujuk kepada babak yang diceritakan di atas, perbuatan Bilal Li yang bertujuan untuk memastikan anjing tersebut tidak dilanggar oleh kenderaan yang melalui jalan tersebut dilihat sebagai satu perbuatan baik kerana dapat menjaga keselamatan anjing ini (*amar makruf*). Namun pada masa yang sama tidak dapat menghalalkan tindakannya yang digambarkan tidak menyucikan diri selepas menyentuh anjing dan sebaliknya terus melaungkan azan. Dalam konteks inilah, babak ini dianggap bertentangan dengan kerangka *Taklif* kerana tidak menggambarkan kepatuhan seorang Islam terhadap tuntutan agamanya.

Seterusnya, analisis ini beralih kepada babak-babak yang menceritakan tentang pekerjaan Temah dan Kiah, iaitu dua orang wanita Melayu dan beragama Islam yang tinggal serumah. Selain itu, babak-babak ini turut menceritakan tentang pendirian Bilal Li, seorang lelaki Melayu dan beragama Islam yang juga berkhidmat sebagai seorang tukang azan di sebuah surau berhampiran tempat tinggalnya (dalam masyarakat Melayu, panggilan “bilal” lazimnya digunakan bagi merujuk kepada tukang azan). Bilal Li serta isterinya, Mas tinggal berjiran dengan Temah dan Kiah. Dalam babak-babak ini, Temah dan Kiah diceritakan bekerja sebagai pelacur. Pendirian Bilal Li terhadap pekerjaan Temah dan Kiah diperlihatkan melalui perbualan yang berlangsung antara Temah, Kiah dan Bilal Li ketika kedua-dua wanita ini dalam perjalanan pulang dari bekerja. Manakala, Bilal Li pula sedang dalam perjalanan ke surau untuk melaungkan azan Subuh. Dalam satu babak yang berasingan, “Gubra” menceritakan tentang pendirian Mas terhadap pekerjaan Temah dan Kiah sebagai pelacur ini. Babak ini menceritakan mengenai Temah dan Kiah yang menghantar Shahrin untuk mengaji di rumah Bilal Li sebelum keluar bekerja. Mas yang baru selesai solat berjemaah dengan Bilal Li dan Adam diceritakan mengajak Temah dan Kiah untuk singgah makan sebelum keluar bekerja. Namun, pelawaan Mas ditolak kerana menurut Kiah, dia dan Temah telah terlambat dan ada orang yang sedang menunggu. Mas turut diceritakan memuji kecantikan kedua-dua jirannya yang akan keluar bekerja sebagai pelacur. Dalam kedua-dua babak yang diceritakan ini, dapat dilihat pendirian Bilal Li dan isterinya terhadap pekerjaan Temah dan Kiah, jiran mereka yang bekerja sebagai pelacur.

Dengan menerapkan kerangka *Taklif*, analisis ini mendapati bahawa babak di atas menarik perhatian terhadap prinsip perbuatan baik (ibadah). Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, sesuatu perbuatan dianggap baik (menjadi ibadah) dalam Islam sekiranya perbuatan tersebut menepati prinsip “*amar makruf nahi mungkar*”. Dengan pemahaman mengenai “*amar makruf nahi mungkar*” ini, kedua-dua babak yang memaparkan mengenai pendirian Bilal Li dan Mas terhadap pekerjaan Temah dan Kiah ini mengundang perbincangan lanjut. Babak ini memperlihatkan pendirian Bilal Li terhadap pekerjaan Temah dan Kiah sebagai pelacur. Melalui perbualan antara Temah dan Bilal Li, adalah jelas bahawa Bilal Li mengetahui pekerjaan Temah dan Kiah sebagai pelacur. Berdasarkan babak ini, dapat difahami tentang pendirian Bilal Li yang digambarkan tidak mempunyai sebarang penilaian moral terhadap pekerjaan Temah dan Kiah. Pendirian ini ketara apabila Bilal Li bukan sahaja tidak pernah mengulas soal pekerjaan mereka sama ada kepada Temah dan Kiah, atau isterinya, Mas, bahkan tidak langsung mengambil inisiatif untuk menasihati Temah dan Kiah supaya meninggalkan pekerjaan mereka itu. Menurut perspektif Islam, pendirian Bilal Li yang tidak menilai pekerjaan Temah dan Kiah ini dapat dikatakan sebagai satu perbuatan yang baik. Namun yang

menimbulkan persoalan ialah beberapa tindak tanduk Bilal Li yang kelihatan seperti menggalakkan Temah dan Kiah untuk meneruskan pekerjaan mereka sebagai pelacur. Hal ini dilihat melalui cadangan Bilal Li supaya Temah mengizinkan anaknya, Shahrin dihantar oleh Mas (isteri Bilal Li) untuk ke sekolah. Apa yang menyebabkan Bilal Li seperti menggalakkan Temah meneruskan pekerjaannya adalah kerana cadangan Bilal Li ini diucapkannya setelah Temah menjelaskan dia terpaksa menolak pelanggan dan pulang awal kerana perlu menghantar Shahrin ke sekolah. Perbuatan Bilal Li membantu Temah dalam menguruskan hal persekolahan Shahrin untuk membolehkan dia terus bekerja hingga ke pagi, mengundang persoalan sedangkan Bilal Li sedar bahawa Temah bekerja sebagai pelacur. Dalam konteks ini, pertolongan Bilal Li dapat dilihat seperti menggalakkan Temah meneruskan kegiatan pelacurannya, dan bertentangan dengan prinsip *nahi mungkar* yang dituntut Islam.

Perkara yang sama dilihat dalam babak yang menceritakan mengenai pendirian Mas terhadap pekerjaan Temah dan Kiah. Merujuk kepada babak yang diceritakan ini, Mas diceritakan tahu bahawa Temah dan Kiah akan keluar bekerja sebagai pelacur pada malam tersebut. Dalam babak ini, Mas turut dilihat memuji kecantikan Temah dan Kiah yang hendak pergi bekerja sebagai pelacur, melalui ungkapannya yang berbunyi, “Amboi cantiknya. Kasa rubiah eh? Si Kiah pun, merah lagi bibir” (“Gubra”, 2006). Melalui pemaparan dengan cara sedemikian, dapat difahami bahawa Mas seolah-olah menggalakkan kedua-dua jirannya untuk terus bekerja sebagai pelacur. Dengan itu, sebagaimana tindakan Bilal Li yang dianggap seperti menggalakkan kegiatan pelacuran Temah dan Kiah, pujian Mas tersebut turut memberikan kesan yang serupa. Adalah jelas bahawa pujian Mas itu tidak mengambil kira pekerjaan Temah dan Kiah yang pada hakikatnya bertentangan dengan syariat Islam. Dalam konteks ini, pemaparan kedua-dua babak ini dianggap bertentangan dengan kerangka *Taklif* khususnya prinsip “*amar makruf nahi mungkar*” yang digariskan Islam.

Seterusnya, analisis ini beralih kepada babak yang menggambarkan watak Orked dan watak Arif yang meninggalkan solat Subuh untuk menemui watak Pak Atan yang jatuh sakit. Cerita ini disampaikan melalui dua babak yang dipaparkan secara berturutan. Babak pertama mengenai Orked dan Arif yang sedang bergurau senda ketika azan Subuh berkumandang. Babak ini menceritakan mengenai Arif yang sedang melihat cermin di bilik mandi. Manakala, Orked pula diceritakan berada di atas katil. Orked digambarkan baru terjaga dari tidur kerana mendengar laungan azan Subuh (Azan Subuh ini diketahui kerana babak sebelumnya merupakan babak Bilal Li sedang melaungkan azan Subuh) dan melihat Arif yang hanya bertuala di bilik mandi. Orked diceritakan merajuk setelah menyedari Arif mandi dahulu tanpa mengajaknya. Arif cuba memujuk Orked dengan mengajaknya mandi bersama sekali lagi. Orked mengendahkan ajakan Arif. Arif meneruskan usahanya memujuk Orked dengan mendukungnya ke bilik mandi. Ketika sedang bergurau-senda di bilik mandi, Orked menerima panggilan daripada Mak Inom yang mengatakan bahawa Pak Atan nazak. Setelah menerima panggilan telefon di atas, Orked diceritakan panik dan bergegas keluar dari bilik mandi. Babak ini kemudian diikuti dengan babak yang menceritakan mengenai Orked dan Arif dalam perjalanan ke rumah Pak Atan. Orked dan Arif diceritakan berada di dalam kereta yang sedang bergerak. Orked dilihat masih memakai pakaian yang sama seperti

ketika keluar dari bilik mandi. Manakala, Arif pula sudah lengkap berpakaian. Suasana digambarkan dalam keadaan cerah dan terang, menunjukkan bahawa hari telah pun siang.

Dengan menerapkan kerangka *Taklif*, analisis ini mendapati bahawa kedua-dua babak di atas menarik perhatian terhadap persoalan mengenai tugas manusia (untuk beribadah) sebagai hamba Allah SWT dan tugas manusia sebagai Khalifah Allah di muka bumi. Merujuk kepada kedua-dua babak di atas, Orked dan Arif diceritakan tergesa-gesa keluar dari rumah mereka, menuju ke rumah Pak Atan. Hal ini digambarkan melalui pakaian Orked yang tidak bertukar (dalam kedua-dua babak) dan berdasarkan kepanikannya ketika mendapat tahu bahawa ayahnya nazak. Dalam kedua-dua babak yang berlatar belakangkan waktu Subuh ini, filem tidak langsung memaparkan Arif dan Orked menunaikan solat Subuh atau sekurang-kurangnya kesedaran mereka untuk menunaikan kewajiban solat. Sebaliknya, “Gubra” hanya memaparkan kemesraan hubungan suami isteri antara Orked dan Arif ketika azan Subuh sedang berkumandang (menandakan masuknya waktu untuk menunaikan solat Subuh), dan diikuti dengan memaparkan kepanikan Orked apabila mengetahui bahawa dia akan kehilangan ayahnya (Pak Atan). Dengan pemaparan dengan cara sedemikian, dapat dikatakan bahawa watak Orked dan Arif digambarkan mengabaikan tugas sebagai Hamba Allah SWT (menunaikan solat). Dalam konteks ini, pemaparan babak tersebut dapat dianggap bertentangan dengan kerangka *Taklif*, khususnya mengenai peranan manusia sebagai Hamba Allah SWT dan sebagai Khalifah Allah SWT di muka bumi.

Seterusnya, analisis ini beralih kepada babak yang menceritakan mengenai pendirian watak Bilal Li terhadap pertengkaran dan kekasaran. Dalam babak yang menceritakan pertengkaran antara watak Temah dengan watak Ki, watak Bilal Li diceritakan mengambil pendirian untuk tidak campur tangan dalam pertengkaran yang berlaku di dalam rumah Temah dan hanya menunggu Ki di luar rumah. Bilal Li turut membiarkan Ki meneruskan perjalanannya lari dari Temah. Dalam babak ini, watak Ki diceritakan masuk ke dalam rumah Temah ketika dia dan Kiah keluar bekerja. Ki berniat untuk mencuri duit Temah. Temah yang menyedari bahawa dompetnya tertinggal di rumah, pulang semula ke rumah untuk mengambil dompet tersebut. Kepulangan Temah mengejutkan Ki yang kemudian menjelaskan bahawa dia hanya berniat untuk meminjam duit Temah untuk membayar hutang Along atau peminjam wang. Keengganan Temah untuk membantu menyebabkan pertengkaran semakin besar dan menjadi pertengkaran fizikal. Pertengkaran yang semakin teruk ini diceritakan turut didengar oleh Bilal Li, Cikgu Din, Shahrin dan Adam yang berada di rumah sebelah. Namun sebagaimana yang dinyatakan di atas, Bilal Li tidak campur tangan dalam pertengkaran yang berlaku di dalam rumah Temah.

Dalam satu babak yang lain, watak Ki diceritakan berhenti untuk mengambil duit di dalam dompet Temah. Bilal Li diceritakan muncul dan mendekati Ki. Bilal Li menasihati Ki untuk tidak menganiaya wanita yang mempunyai anak dan meminta Ki memulangkan dompet Temah. Bilal Li turut menyatakan bahawa doa orang yang teraniaya diterima Tuhan dan boleh memberikan kesan yang buruk kepada Ki. Watak Ki diceritakan mendengar nasihat Bilal Li dan menyerahkan semula dompet Temah kepada Bilal Li. Setelah berhasil mendapatkan dompet Temah, Bilal Li kemudiannya meninggalkan Ki. Babak ini turut menceritakan

Along atau peminjam wang datang menemui Ki untuk menuntut hutang. Peminjam wang ini digambarkan cuba melakukan keganasan dengan mencungkil mata Ki. Kejadian ini dilihat sendiri oleh Bilal Li, tetapi dia tidak mengambil apa-apa tindakan. Sekali lagi, dapat diamati bahawa Bilal Li mengambil pendirian untuk tidak melibatkan diri dalam pergaduhan antara Ki dengan peminjam wang (Along) itu.

Dengan menerapkan kerangka *Taklif*, analisis ini mendapati bahawa babak di atas menarik perhatian terhadap prinsip perbuatan baik (ibadah), iaitu “*amar makruf nahi mungkar*” yang telah dijelaskan dalam analisis sebelumnya. Dengan pemahaman terhadap “*amar makruf nahi mungkar*” ini, babak yang menceritakan mengenai pertengkaran antara watak Temah dan Watak Ki di dalam rumahnya (Temah), serta pendirian watak Bilal Li terhadap pertengkaran ini mengundang perbincangan lanjut. Hal ini kerana pertengkaran yang berlaku antara Temah dan Ki disebabkan tindakan Ki yang memecah masuk rumah Temah untuk mencuri dan kemudiannya membawa kepada pertengkaran. Justeru, adalah menimbulkan persoalan apabila Bilal Li yang mendengar pertengkaran tersebut sebagai jiran, tetapi mengambil pendirian untuk tidak membantu Temah untuk menghalang Ki daripada mencuri duit Temah. Bilal Li diceritakan mengetahui tujuan Ki datang ke rumah Temah, iaitu untuk mengambil duit Temah (hal ini jelas dalam babak yang berikutnya yang menceritakan Bilal Li meminta Ki mengembalikan barang yang diambilnya di rumah Temah). Walaupun mengetahui tujuan Ki, Bilal Li tidak pula meleraikan pertengkaran yang berlaku. Sebaliknya, Bilal Li diceritakan hanya membantu mendapatkan semula barang Temah yang diambil oleh Ki setelah Ki keluar dari rumah Temah. Perbuatan Bilal Li yang tidak membantu Temah dalam pertengkaran yang berlaku di rumahnya, dan membantu Temah mendapatkan semula dompetnya daripada Ki setelah Ki keluar dari rumah Temah, dapat menggambarkan pendirian Bilal Li yang tidak mahu campur tangan dalam pertengkaran tersebut.

Perkara yang sama dilihat dalam babak yang menceritakan mengenai pendirian Bilal Li terhadap kekasaran Along terhadap Ki. Seperti yang dinyatakan, dalam sebuah babak, Bilal Li diceritakan menghampiri Ki untuk memintanya memulangkan dompet Temah secara baik. Setelah berjaya mendapatkan kembali dompet Temah, Bilal Li meninggalkan Ki berseorangan. Babak tersebut kemudiannya menceritakan mengenai Ki yang didatangi oleh Along yang menuntut hutang dan cuba untuk mencungkil biji matanya. Bilal Li yang melihat kejadian tersebut, diceritakan hanya mememerhatikan keadaan Ki, sebelum berlalu pergi tanpa menghalang perbuatan Along terhadapnya. Dengan menerapkan kerangka *Taklif*, dapat dikatakan bahawa kekerasan yang dilakukan oleh Along atau peminjam wang itu terhadap Ki merupakan satu bentuk perbuatan jahat atau mungkar yang tidak dapat diwajibkan oleh Islam. Dengan itu, pendirian serta tindakan Bilal Li yang tidak mahu campur tangan terhadap kekerasan yang dilakukan oleh Along (peminjam wang) terhadap Ki dapat dianggap tidak mencerminkan ajaran Islam. Demikian juga pendirian serta tindakan Bilal Li yang tidak membantu Temah dalam pertengkarannya dengan Ki, juga dapat dianggap tidak menepati konsep “*amar makruf nahi mungkar*” yang digariskan oleh Islam.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, artikel ini mendapati babak yang menceritakan tentang watak Mas, Temah, Mah, Pah, Alan dan anak perempuannya yang berbeza agama berdoa memohon keampunan dengan cara agama masing-masing. Babak ini jelas merupakan satu manifestasi berkaitan agama kerana memaparkan watak yang sedang berdoa. Selain itu kajian ini turut menganalisis babak-babak yang memperlihatkan pendirian watak Bilal Li dan isterinya terhadap watak Temah dan Kiah yang bekerja sebagai pelacur. Babak-babak ini dilihat sebagai satu manifestasi berkaitan agama kerana pendirian watak Bilal Li dan isterinya yang seolah-olah menggalakkan Temah dan Kiah dalam menjalankan pekerjaan tersebut.

Seterusnya, penerapan kerangka *Taklif* bagi menilai babak-babak yang dianggap sebagai manifestasi berkaitan agama ini mendapati bahawa babak-babak ini bertentangan dengan agama Islam. Analisis mendapati bahawa babak yang menceritakan mengenai watak Mas, Temah, Mah, Pah, Alan dan anak perempuannya yang berbeza agama berdoa memohon keampunan dengan cara agama masing-masing bertentangan dengan prinsip Agama Islam sebagai satu-satunya Agama yang Benar. Sekali gus menjelaskan bahawa manifestasi berkaitan agama Islam dalam babak tersebut bertentangan dengan agama Islam. Sementara babak-babak yang memperlihatkan pendirian watak Bilal Li dan isterinya yang seolah-olah menggalakkan watak Temah dan Kiah bekerja sebagai pelacur didapati tidak menepati prinsip "*amar makruf nahi mungkar*" yang merupakan tuntutan Islam. Justeru babak-babak ini turut dianggap bertentangan dengan agama Islam.

Berdasarkan dapatan-dapatan kajian ini, jelas bahawa tidak semua manifestasi Islam yang dipaparkan dalam filem, menggambarkan Islam sebenar, iaitu Islam yang memenuhi tuntutan *Taklif*. Manifestasi Islam dalam filem, khususnya yang terdapat dalam filem "Gubra" (2006) arahan Yasmin Ahmad ini, bukan sahaja tidak menepati faham Islam sebagai Al-Din, tetapi turut mengelirukan penonton mengenai Islam. Dengan itu, dapatan-dapatan yang diperoleh melalui kajian ini diharap dapat meningkatkan kesedaran terhadap penyampaian mesej berkaitan agama, khususnya agama Islam dalam filem.

Rujukan

Buku

Al-Qur'an Darul Iman. (2013). Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman.

Al-Attas S.M.N. (1976). *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Amir Muhammad. (2009). *Yasmin Ahmad's Films*. Petaling Jaya: Matahari Books.

Elizatul Nastaysah Kamaruddin & Mohd. Zariat Abdul Rani. (2017). *Wanita Menurut Taklif: Satu Analisis terhadap watak Fatimah dalam cerpen*

“Perempuan Gusti” dan “Fatimah Kahwin” Karya Hamzah Hussin. *MANU: Jurnal Penataran Penataran Ilmu dan Bahasa*, 23-47.

Marcia K. Hermansen. (1996). *The Conclusive Argument From God*. Leiden: Library of Congress Cataloging-in-Publication Data.

Zainuddin Hj. Idris & Nik Hasan Nik Abdullah. (2015). *Hujjat Allah Al-Balaghah Terjemahan dan Anotasi Juzuk I*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press.

Internet

Abd. Aziz Itar. (14 Ogos 2006). Gubra Filem Terbaik FFM19. *Utusan Online*. Diakses daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0814&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm.

Faisal Tehrani. (28 April 2006). Gubra Yang Sesat Lagi Menyesatkan. *Harakah Daily*. Diakses daripada <http://arkib.harakahdaily.net/arkibharakah/index.php/arkib/berita/lama/2006/4/2063/gubra-yang-sesat-lagi-menyestakan.html>.

Hafizan Mohd.(____). 10 Tahun Gubra: Humanisme Yasmin Ahmad & Kejahilan Pengkritik Filem Lokal. Diakses daripada <https://stail.my/cerita/budaya/10-tahun-gubra-humanisme-yasmin-ahmad-kejahilan-pengkritik-filem-lokal/>.

IMDB. Yasmin Ahmad. Diakses daripada https://www.imdb.com/name/nm1379108/awards?ref_=nm_awd.

Mesut Idriz. (21 April 2006). Gubra On Role Religion Can Play. *The Star Online*. Diakses daripada <https://www.thestar.com.my/opinion/letters/2006/04/21/gubra-on-role-religion-can-play/>

Mohammad Arif Nizam (26 April 2006). Fenomena Seni Belasah Yasmin Ahmad. *Utusan Online*. Diakses daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0426&pub=Utusan_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_01.htm.

Mohamad Shaifulbahri. (____). A Very Gubra Dinner. Diakses daripada <http://www.movieexclusive.com/article/gubra/gubra1.htm>.

Othman Bin Mustafa. (5 Julai 2017). Kenyataan Media Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Berkenaan Isu Anjing Peliharaan Dalam Facebook Nurhanizah Abdul Rahman. Diakses daripada <http://www.islam.gov.my/media-jakim/kenyataan-media/1039-kenyataan-media-ketua-pengarah-jakim-berkenaan-isu-anjing-peliharaan-dalam-facebook-nurhanizah-abdul-rahman>.

Yasmin Ahmad. *Gubra*. (2006). Malaysia: *Nusanbakti Corporation Sdn. Bhd.*